

**Pk. P.U. 29.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

FATWA MENGENAI HUKUM PENGAJARAN TARIKAT NAQSYABANDIAH AL-KHOLIDIAH  
KG. MENDERANG HILIR SUNGKAI

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

Dan bahawasanya menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta dan Kerajaan Negeri* telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiaran fatwa yang berikut:

“Pengajaran Tarikat Naqsyabandiah Al-Kholidiah, Kg. Menderang Hilir, Sungkai adalah diharamkan kerana bertentangan dengan Amalan Tarikat Naqsyabandiah yang asal dan mengandungi perkara-perkara yang meragukan, mengelirukan juga bertentangan dengan aqidah Islam seperti berikut;”

- (i) Mewajibkan mandi taubat, sujud taubat sebagai syarat menyertai tarikat;
- (ii) Mengerjakan ibadah haji secara ghaib/khatam batu;
- (iii) Mandi air zam-zam, air kauthar dan air mahfuz sebagai membuka hijab dan makrifat seseorang murid;
- (iv) Berpegang semua orang boleh melakukan isra’ dan mikraj;
- (v) Mengamalkan amalan bertawassul dengan wali-wali.

Bertarikh 9 Mei 2011  
[MNPK. A351.IST/01/7 JLD. 2; PU. Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO’ SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA  
*Mufti dan Pengurus Jawatankuasa Fatwa*  
*Negeri Perak Darul Ridzuan*